

Subsidi kawal harga minyak dasar berbahaya

BH 13 JUN 2001

Oleh Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pemberian subsidi bagi mengawal harga minyak adalah satu dasar berbahaya kerana ia tidak menunjukkan prestasi sebenar ekonomi dan boleh menimbulkan masalah sosial dan politik.

Perdana Menteri berkata, masalah itu jika berlaku mungkin menyebabkan sesebuah kerajaan tumbang apabila ia tidak lagi mampu memberikan subsidi atau ditekan pihak luar untuk menghentikan pemberian subsidi.

“Rakyat di negara pengeluar minyak berharap petrol dijual pada harga rendah dan ini membabitkan pemberian subsidi secara langsung atau tidak langsung.

“Rakyat gembira, tetapi harga sedemikian tidak memberi gambaran sebenar mengenai kos pengangkutan dan pengeluaran industri. Jika produk negara itu dieksport, ia bermakna negara itu juga memberi subsidi kepada pengguna asing.

“Kemudian akan tiba waktunya kerajaan tidak mampu memberi subsidi lagi atau apabila diarah oleh pemberi pinjaman asing untuk menghentikan subsidi. Reaksi daripada pemberhentian subsidi itu mungkin menghuru-harakan.”

– Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

“Kemudian akan tiba waktunya kerajaan tidak mampu memberi subsidi lagi atau apabila diarah oleh pemberi pinjaman asing untuk menghentikan subsidi. Reaksi daripada pemberhentian subsidi itu mungkin menghuru-harakan.

“Rusuhan dan pemusnahan harta benda sering berlaku. Kadang kala kerajaan ditumbangkan,” katanya pada majlis makan tengah hari sempena Persidangan Keenam Minyak dan Gas Asia, di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, penetapan harga minyak di pasaran tempatan ketika harga minyak men-

tah berubah-ubah adalah masalah utama yang dihadapi kerajaan dan kegagalan menangani masalah ini boleh menyebabkan kerajaan terbabit tumbang.

Katanya, ketika dunia sentiasa mengetahui mengenai harga semasa minyak mentah, dunia tidak diberitahu mengenai perbezaan harga produk itu antara negara-negara.

“Tetapi, harga produk di stesen minyak adalah lebih penting kepada orang biasa dan kepada industri berbanding harga minyak mentah.

Perdana Menteri berkata, negara pengeluar minyak juga tidak mendapat

faedah daripada subsidi kerana walaupun subsidi berkurang apabila harga minyak mentah menurun, pendapatan negara daripada hasil minyak juga menurun.

"Subsidi menyebabkan keadaan yang mana tiada pihak yang menang," katanya.

Beliau berkata, ada juga negara yang mengenakan cukai tinggi terhadap produk petroleum dan kebanyakan mereka biasanya adalah negara kaya, termasuk semua pengeluar.

"Cukai meningkat apabila harga minyak mentah meningkat, memberikan gambaran bahawa kos produk yang lebih tinggi disebabkan oleh harga minyak mentah yang meningkat.

"Ini tentunya tidak benar. Tetapi, tiada penjelasan mengenai sebab pro-

duk petroleum yang lebih tinggi diberikan kepada pengguna.

"Adalah lebih mudah untuk menyalahkan Opec (Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Minyak)," katanya.

Dr Mahathir berkata, negara yang paling menderita akibat peningkatan harga minyak mentah ialah negara membangun yang miskin dan tanpa sumber minyak sendiri.

Beliau berkata, dalam keadaan itu negara miskin berkenaan serta rakyatnya terpaksa mengurangkan penggunaan kenderaan bermotor serta penajaan elektrik.

Justeru, katanya, negara pengeluar minyak wajar menimbang untuk memberi bantuan seperti potongan harga kepada negara berkenaan bagi meringankan masalah ke-

wangan yang dihadapi mereka.

"Perkara ini boleh dilakukan walaupun mungkin akan berlaku penyalahgunaan, tetapi ia adalah kesan buruk yang kecil dan negara kaya mampu menanggungnya," katanya.

Terdahulu pada sebelah pagi, Dr Mahathir melancarkan Inisiatif Tenaga Bersih Perkongsian bagi Pertumbuhan Saksama (PEG) pada mesyuarat Meja bulat Kuala Lumpur.

Pada majlis itu, Ketua Pegawai Eksekutif PEG, Dr Shafiq Abdullah menyerahkan Laporan PEG 2001 mengenai Sistem Inisiatif Tenaga Bersih dan Sokongan Infrastruktur kepada Dr Mahathir selaku penaung PEG.

Pada mesyuarat tertutup yang disertai wakil syarikat minyak terkemuka termasuk Petronas, BP, Shell

dan Lembaga Petroleum Thailand, Dr Mahathir menggariskan kepentingan penggunaan tenaga yang bersih.

Perdana Menteri turut memberi pandangan bagaimana untuk memaksimumkan kecekapan penggunaan tenaga sedia ada serta peralihan kepada tenaga seperti elektrik hidro dan solar.

Sementara itu, Dr Shafiq berkata mesyuarat meja bulat KL diharapkan dapat menghasilkan rumusan khusus untuk dibentangkan pada Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Shanghai, China, nanti.

"Ini termasuk perbincangan mengenai Grid Gas Asia dan saluran Asean Gas sebagai usaha menyalurkan tenaga bersih dalam bentuk gas asli," katanya.